A

LIM TAN YI lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
LAU BEE LAN HMR
SUPANG LIAN HMR
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
B
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05(M)-597-12-2018
& B-05(M)-613-12-2018]
20 OGOS 2021

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran – Dakwaan – Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') gagal menyatakan secara spesifik peruntukan yang disandarkan semasa memanggil tertuduh membela diri – Sama ada HMT tersalah arah apabila membuat keputusan berbentuk alternatif di akhir kes pendakwaan – Sama ada tertuduh perlu mengemukakan pembelaan pada tahap keraguan munasabah sahaja atau perlu*
D *mematahkan anggapan undang-undang atas imbangan kebarangkalian – Kegagalan mengambil kira kemungkinan orang lain ada akses terhadap dadah – Keraguan isu pengendalian barang kes – Sama ada menyebabkan prejudis dan ketidakadilan pada tertuduh – Sama ada sabitan atas tertuduh selamat*

E ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 6 – Milikan – Dakwaan milikan dadah berbahaya jenis kanabis – Elemen-elemen kesalahan – Sama ada terbukti – Sama ada Hakim Mahkamah Tinggi tersalah arah – Sama ada wujud kes prima facie terhadap tertuduh – Sama ada sabitan atas tertuduh selamat*

F Perayu dituduh di Mahkamah Tinggi dengan dua pertuduhan (i) didapati dalam milikannya dadah berbahaya kanabis sejumlah berat 59.24g, iaitu satu kesalahan bawah s. 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') boleh dihukum bawah s. 39A(2) ADB ('tuduhan pertama'); dan (ii) telah mengedarkan dadah berbahaya kanabis sejumlah berat 667.76g, iaitu satu kesalahan bawah s. 39B(1)(a) ADB dan boleh dihukum bawah s. 39B(2) ADB
G ('tuduhan kedua'). Kedua-dua pertuduhan dibicarakan serentak. Fakta kes pendakwaan menunjukkan bahawa pada 14 Ogos 2015 sekitar jam 5.30 pagi, SP5 dan sepasukan polis telah melihat sebuah kereta jenis Honda CRV ('kereta Honda') dalam keadaan yang mencurigakan. SP5 menghampiri kereta Honda itu dan mengarahkan pemandunya ('perayu') mengeluarkan
H kad pengenalan. SP5 melakukan pemeriksaan di dalam kereta Honda itu dan menjumpai tiga paket plastik lut sinar bersalut kerajang aluminium mengandungi ketulan mampat dedaun kering yang disyaki dadah jenis ganja di bawah tempat duduk pemandu berhampiran tempat letak kaki. Setelah menjalankan tangkapan atas perayu, SP5 membawa perayu, tiga plastik
I dedaun kering yang dirampas dan kereta Honda itu ke balai polis. Hasil soal siasat dengan perayu, lebih kurang pada pukul enam pagi, perayu telah memandu arah SP5 dan sepasukan polis ke sebuah rumah ('rumah tersebut')

dan telah membawa mereka ke bilik nombor dua. Di dalam bilik tersebut, pihak polis menjumpai dua bekas plastik lut sinar di atas lantai berhampiran dengan kaki katil yang mengandungi beberapa ketulan mampat dedaun kering yang disyaki dadah jenis ganja. Hasil analisis kimia atas dua bekas plastik lut sinar tersebut mendapatinya sebagai dadah jenis kanabis seberat 667.76g yang menjadi asas pertuduhan kedua. Sementara itu, hasil analisis atas tiga paket plastik lut sinar mengandungi dedaun kering yang dirampas dari dalam kereta Honda mendapatinya sebagai dadah jenis kanabis seberat 59.24g yang menjadi asas pertuduhan pertama. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan semua elemen kesalahan bagi tuduhan pertama dan kedua. Perayu, dalam pembelaannya, menghujahkan bahawa pada 13 Ogos 2015, pukul 10.30 malam, seseorang bernama Shawn telah ke rumah perayu dan mereka keluar bersama. Kedua-duanya telah ditahan oleh polis. Perayu dan Shawn telah dibawa ke balai polis dan mereka dipisahkan. Setelah dua jam, perayu dibawa ke rumah tersebut dan perayu mendapati Shawn juga telah berada di rumah tersebut dan kunci rumah tersebut telah dibuka. Perayu tidak pasti sama ada polis ada menjumpai apa-apa dalam rumah tersebut. Perayu dan Shawn kemudiannya dibawa semula ke balai polis. Ibu perayu ('SD2') menyatakan pernah melihat kawan-kawan perayu datang ke rumah tersebut termasuk Shawn. HMT mendapati versi pembelaan perayu, melalui keterangan pembelaannya, gagal menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Menurut HMT, perbuatan perayu jelas terjumlah pada perbuatan mengedar kerana kuantiti dadah yang terlibat sebegitu banyak dan memberi satu inferens bahawa ini diniatkan untuk tujuan jualan dan pengedaran. Perayu didapati bersalah dan disabitkan atas kedua-dua pertuduhan. Untuk pertuduhan pertama, perayu dijatuhkan hukuman penjara lapan tahun dari tarikh tangkap serta disebat dengan rotan sebanyak sepuluh kali sebatan dan tuduhan kedua, perayu telah dijatuhkan hukuman mati. Terkilan, perayu merayu. Dihujahkan bahawa HMT tersalah arah apabila (i) mendapati adanya perbuatan pengedaran dadah oleh perayu dengan cara 'menyimpan' dan 'menyorok' dadah seperti yang ditakrifkan bawah s. 2 ADB di akhir kes pendakwaan dan kemudiannya membangkitkan anggapan pengedaran dadah bawah s. 37(da)(vi) di akhir kes pembelaan; (ii) gagal mengambil kira bahawa adanya kemungkinan orang lain juga ada akses pada rumah tersebut dan bilik kedua di mana dadah tersebut dijumpai: (iii) menerima perbuatan perayu sebagai keterangan membawa pada penemuan bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta Keterangan'), dan (iv) tidak membuat pertimbangan secukupnya atas keterangan pembelaan dengan melabel keterangan tersebut sebagai bersifat 'difikirkan terkemudian', 'rekaan semata-mata' dan 'penafian kosong'. Timbalan Pendakwa Raya (TPR) pula menentang penghujahan perayu. TPR menghujahkan bahawa dapatan dan keputusan hakim bicara sebagai satu keputusan munasabah, didukung oleh keterangan yang mantap

dan HMT tidak melakukan apa-apa kekhilafan yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. Menurut TPR, isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu tidak bermerit dan tidak sama sekali menjadikan sabitan terhadap perayu tidak selamat.

Diputuskan (membenarkan rayuan)

Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) HMT jelas merujuk pada keterangan pembuktian secara langsung oleh SP5 dan SP6 semasa membuat dapatan tentang elemen milikan dan pada masa yang sama merujuk pada peruntukan anggapan undang-undang bawah perenggan 37(d) ADB. Semasa membuat dapatan berhubung dengan isu milikan bagi tujuan pengedaran, HMT merujuk pada peruntukan definisi pengedaran bawah s. 2 ADB dan pada masa yang sama merujuk pada prinsip yang diputuskan dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP* iaitu berkait dengan inferens yang boleh dibuat sekiranya melibatkan jumlah dadah yang besar. HMT gagal menyatakan secara spesifik peruntukan mana yang menjadi sandaran semasa membuat keputusan untuk memanggil perayu membela diri di peringkat kes *prima facie*. Wujud salah arahan yang jelas di pihak HMT apabila membuat keputusan berbentuk alternatif di akhir kes pendakwaan. Keputusan tersebut sudah tentu akan memberi kesan pada pertimbangan yang perlu dibuat di peringkat pembelaan kemudiannya. (perenggan 26 & 27)

(2) HMT keliru semasa membuat keputusan di kedua-dua peringkat kes. HMT membuat keputusan dalam bentuk alternatif semasa memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen milikan dengan merujuk pada keterangan langsung saksi-saksi dan pada masa yang sama merujuk pada peruntukan anggapan undang-undang di perenggan 37(d) ADB. Di akhir kes pembelaan pula, HMT sekali lagi membuat keputusan dalam bentuk alternatif apabila memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan satu keraguan atas kes pihak pendakwaan dan pada masa yang sama beliau mengguna pakai peruntukan anggapan mengedar dadah berbahaya di perenggan kecil 37(da)(vi) ADB. HMT telah melakukan satu salah arahan yang serius semasa membuat keputusan. Salah arahan yang dilakukan HMT tersebut sudah tentulah menyebabkan prejudis dan ketidakadilan terhadap perayu. HMT telah meletakkan perayu dalam keadaan yang tidak menentu iaitu sama ada perlu mengemukakan pembelaan pada tahap keraguan yang munasabah sahaja ataupun perlu mematahkan anggapan undang-undang atas imbangan kebarangkalian. Salah arahan yang dilakukan HMT sangat memudaratkan kerana melibatkan asas keputusan di peringkat kes *prima facie* dan juga asas keputusan di akhir kes pembelaan. (perenggan 29 & 30)

(3) HMT membuat dapatan bahawa perbuatan serta tindakan perayu menyimpan dadah di bawah tempat duduk bahagian pemandu kereta Honda dan di bilik kedua rumah tersebut terjumlah pada perbuatan pengedaran secara langsung seperti yang ditakrifkan bawah s. 2 ADB. Daripada dapatan tersebut, nyata bahawa HMT telah mencampur aduk kesalahan memiliki dadah kanabis bawah pertuduhan pertama dan kesalahan mengedar dadah kanabis bawah pertuduhan kedua semasa membuat pertimbangan. Kecelaruan tersebut sudah tentulah menyebabkan satu salah arah semasa membuat keputusan yang menyebabkan prejudis pada perayu. (perenggan 31)

(4) Daripada keterangan SP6, jelas bahawa pintu bilik kedua rumah tersebut tidak dikunci dan boleh diakses oleh ramai orang. Pada hari kejadian ataupun sehari sebelum kejadian, sekurang-kurangnya tiga orang iaitu perayu, SP6 dan Shawn yang ada akses terhadap bilik kedua rumah tersebut. Ditambah pula dengan keterangan SP5 yang jelas menyatakan bahawa dadah kanabis yang dijumpai dalam bilik kedua rumah tersebut senang dilihat, maka sudah tentulah boleh timbul persoalan iaitu sama ada hanya perayu sahaja yang ada pemilikan eksklusif atas dadah kanabis yang dijumpai di dalam bilik kedua rumah tersebut. Pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa dadah kanabis yang dijumpai di dalam bilik kedua rumah tersebut adalah milik perayu. Pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa hanya perayu sahaja yang mempunyai akses ke bilik kedua rumah tersebut dan ini bermakna, pihak pendakwaan juga gagal menyingkirkan adanya akses oleh orang lain ke dalam bilik kedua rumah tersebut. Kesannya, pihak pendakwaan juga gagal membuktikan bahawa hanya perayu sahaja yang mempunyai kuasa untuk melupus dua bekas plastik mengandungi dadah kanabis tersebut bagi melengkapkan elemen pemilikan (perenggan 41 & 42)

(5) Isu berhubung dengan penemuan bawah s. 27 Akta Keterangan tidak berbangkit. Cubaan SP5 untuk membawa masuk keterangan yang menunjukkan bahawa perayu telah menunjukkan dadah yang ada di atas lantai di bilik kedua rumah tersebut telah dibantah perayu dan HMT menerima bantahan tersebut. HMT turut mengingatkan TPR agar tidak menanyakan soalan yang menjurus pada pengakuan perayu. HMT tidak membuat apa-apa dapatan berkait dengan penemuan bawah s. 27 Akta Keterangan. Apa yang dinyatakan hanyalah, 'Tertuduh sendiri yang telah memandu arah ke rumah neneknya dan telah dibawa ke bilik kedua di dalam rumah tersebut di mana dua bekas plastik yang masing-masing mengandungi ketulan tumbuhan iaitu kanabis dijumpai berada di atas lantai bilik'. (perenggan 20 & 21)

(6) Keterangan SP5 juga meragukan jika merujuk keterangannya berhubung dengan penemuan dan simpanan selamat barang kes. Semasa ditanya apa berlaku di bilik kedua rumah tersebut, SP5 menyatakan 'Dalam bilik tersebut kami menjumpai dadah di atas lantai bilik tersebut'. SP5

menggunakan perkataan 'kami' dan tidak pula dinyatakan secara khusus siapa yang menjumpai dadah di atas lantai bilik tersebut. Perlu ditekankan bahawa ada lima anggota lain semasa serbuan dibuat. Pihak pendakwaan memilih untuk tidak memanggil mana-mana anggota polis lain yang ada sebagai saksi. Bagi isu simpanan selamat barang kes pula, SP5 tidak memberikan apa-apa keterangan berhubung dengan barang kes yang dipegang dalam tempoh 11 jam sebelum diserah kepada SP7 sehinggalah ditanya oleh HMT pada hujung keterangannya. Lebih menjejaskan lagi apabila SP5 menjawab bahawa barang kes berada di bawah kawalannya dan juga anggotanya. Tidak pada bila-bila masa SP5 menyatakan barang kes berada bawah jagaannya walaupun diberi teguran oleh HMT. Natijahnya, timbul keraguan berhubung isu pengendalian barang kes oleh SP5. Keraguan tersebut memudaratkan kes pendakwaan dan manfaatnya perlulah diberikan kepada pihak pembelaan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu bawah pertuduhan kedua dan perayu sepatutnya tidak dipanggil membela diri. (perenggan 43-45)

(7) HMT telah melakukan salah arahan apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu adalah sesuatu yang difikir terlebih dahulu, berbentuk penafian semata-mata dan juga kewujudan Shawn adalah satu watak yang diada-adakan. Berhubung dengan isu kewujudan Shawn, keterangan SP6 yang juga merupakan saksi pihak pendakwaan sangatlah jelas. Kewujudan watak Shawn telah disebut SP6 semasa pemeriksaan utama dan juga semasa disoal balas. Keterangan tersebut tidak dipersoalkan pihak pendakwaan melalui tindakan menyoal balas saksinya sendiri bawah s. 145 Akta Keterangan atau melalui tindakan mencabar kebolehpercayaan saksi bawah s. 150 Akta Keterangan. Walaupun kewujudan Shawn dinafikan SP5, pihak pendakwaan tidak memanggil mana-mana anggota polis yang turut hadir semasa serbuan untuk menyokong keterangan SP5. Dengan itu, didapati kewujudan Shawn bukanlah satu watak yang sengaja diada-adakan. (perenggan 52 & 61)

(8) Terdapat keadaan apabila HMT bukan sahaja mengemukakan soalan kepada saksi, malah turut menyediakan jawapan kepada saksi bagi membetulkan jawapan yang diberikan. HMT juga telah mengambil alih tugas pihak pendakwaan dengan mengemukakan soalan yang tidak ditanya pihak pendakwaan kepada saksi. Ini dapat dilihat di akhir keterangan SP5. HMT telah mengemukakan soalan berhubung dengan pengendalian barang kes yang tidak disoal pihak pendakwaan. Prinsip undang-undang berhubung dengan campur tangan hakim bicara dalam suatu prosiding adalah mantap. Tindakan HMT bukanlah sekadar mengemukakan soalan seperti yang dibenarkan dalam ruang lingkup peruntukan s. 165 Akta Keterangan. Tindakan HMT campur tangan

dalam prosiding perbicaraan dan campur tangan tersebut sudah tentu mendatangkan prejudis yang boleh menyebabkan ketidakadilan kepada perayu. Oleh itu, sabitan yang diputuskan HMT atas perayu bagi kedua-dua pertuduhan tidak selamat untuk disahkan. Keputusan HMT di atas kedua-dua pertuduhan diketepikan. Perayu dibebaskan dan dilepaskan (perenggan 63-67)

English *Headnotes*

The appellant was charged in the High Court with two charges (i) he was found to be in possession of the dangerous drug cannabis weighing 59.24g, an offence under s. 6 of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') and punishable under s. 39A(2) of the DDA ('first charge'); and (ii) for allegedly trafficking 667.76g of the dangerous drug cannabis, an offence under s. 39B(1)(a) of the DDA and punishable under s. 39B(2) of the DDA ('second charge'). Both charges were tried simultaneously. The facts of the prosecution case showed that on 14 August 2015 at around 5.30am, SP5 and a team of police officers had spotted a Honda CRV ('Honda car') under suspicious circumstances. SP5 approached the Honda car and instructed its driver ('appellant') to issue an identity card. SP5 inspected the Honda and found transparent three plastic packages covered with aluminum foil containing dried leaf materials suspected to be ganja under the driver's seat. After detaining the appellant, the SP5 brought the appellant, the three confiscated plastic packages containing the dried leaves and the Honda to the police station. As a result of an interrogation of the appellant, at about 6am, the appellant brought SP5 and a police team to a house ('house') where the appellant took them to room number two. Inside the room, police found two transparent plastic containers on the floor near the foot of the bed containing several compressed slabs of dried leaves suspected to be cannabis-type drugs. The results of the chemical analysis on the two transparent plastic containers revealed that they contained cannabis weighing 667.76g which was the basis for the second charge. Meanwhile, the results of the analysis on the three transparent plastic packets containing dried leaves seized from the Honda car was found to be cannabis weighing 59.24g which was the basis for the first charge. The High Court Judge ('HCJ') found that the prosecution had succeeded in proving all the elements of the offences for the first and second charges. The appellant, in his defence, argued that on 13 August 2015, at 10.30pm, a person named Shawn had gone to the appellant's house and they went out together. Both were arrested by the police. The appellant and Shawn were taken to the police station and they were separated. After two hours, the appellant went to the house and found that Shawn had also been in the house and the house key had been used. The appellant was not sure whether the police found anything in the house. The appellant and Shawn were later taken back to the police station. The appellant's mother ('SD2') stated that she had seen the appellant's friends come to the house including

A Shawn. The HCJ found that the appellant's version of the defence through his evidence failed to cast a reasonable doubt on the prosecution's case. According to the HCJ, the appellant's act clearly amounted to an act of trafficking because the quantity of the drugs involved was so large giving rise to an inference that it was intended for the purpose of sale and trafficking. B The appellant was found guilty and convicted on the first and second charges. For the first charge, the appellant was sentenced to eight years imprisonment from the date of his arrest and ten strokes of whipping and, for the second charge, the appellant was sentenced to death. Aggrieved, the appellant appealed. The appellant submitted that the HCJ had misdirected when he C (i) found the appellant's act of drug trafficking by way of 'storing' and 'hiding' drugs as defined under s. 2 of the DDA at the end of the prosecution's case, and subsequently, raised the presumption of drug trafficking under s. 37(da)(vi) at the end of the defence case; (ii) failed to take into account that there was a possibility that another person also had access to the house and the second room where the drugs were found: (iii) accepted D the appellant's act as evidence leading to the discovery under s. 27 of the Evidence Act 1950 ('Evidence Act'); and (iv) did not adequately consider the defence evidence by labeling the evidence as an 'afterthought', a 'mere fabrication' and 'bare denials.' The Deputy Public Prosecutor ('DPP') opposed the appellant's submissions. The DPP argued that the findings and E decision of the trial judge were a reasonable decision, supported by concrete evidence and that the HCJ did not commit any error that justified the intervention of this court. According to the DPP, the issues raised by the appellant were without merit and in no way made the conviction of the appellant unsafe.

F **Held (allowing appeal)**

Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA delivering the judgment of the court:

(1) The HCJ clearly referred to the direct evidence by SP5 and SP6 in making findings on the element of possession and at the same time G referred to the provisions of the presumption of law under para. 37(d) of the DDA. Also, when making findings in relation to issues of possession for the purposes of trafficking, the HCJ referred to the provisions of the definition of trafficking under s. 2 of the DDA and at the same time referred to the principles decided in the case of *Ong Ah Chuan v PP* which was related to the inference that could be invoked if H it involved a large amount of drugs. The HCJ failed to specifically state which provision was relied upon when deciding to call the appellant to enter his defence at the *prima facie* case stage. There was a clear misdirection on the part of the HCJ when making an alternative decision at the end of the prosecution's case. Such a decision would definitely I affect the considerations needed to be made at a later stage of the defence.

(2) The HCJ was confused when making decisions at both stages of the case. The HCJ ruled in the alternative while having decided that the prosecution had succeeded in proving the element of possession by referring to the direct testimony of witnesses and at the same time referred to the presumption provisions under para. 37(d) of the DDA. At the end of the defence case, the HCJ again ruled in the alternative when His Lordship held that the appellant failed to raise any doubt against the prosecution's case and, at the same time, applied the presumption of trafficking in dangerous drugs under sub-para. 37(da)(vi) of the DDA. The HCJ committed a serious misdirection while making the decision. The misdirection by the HCJ had caused prejudice and injustice to the appellant. The HCJ had placed the appellant in a precarious position on whether to present a defence on reasonable doubt only or whether to rebut the legal presumptions on a balance of probabilities. The misdirection by the HCJ was very detrimental because it involved the basis of the decision at the *prima facie* case stage and also the basis of the decision at the end of the defence case.

(3) The HCJ made the finding that the appellant's acts and actions of storing the drugs under the driver's seat of the Honda and in the second room of the house amounted to an act of direct trafficking as defined under s. 2 of the DDA. From the findings, it was clear that the HCJ had mixed the offence of possession of cannabis under the first charge and the offence of trafficking cannabis under the second charge while making the decision. Such confusion could of course lead to a misdirection when making a decision which would cause prejudice to the appellant.

(4) From the evidence of SP6, it was clear that the door of the second room of the house was not locked and could be accessed by many people. On the day of the incident or the day before the incident, at least three people, namely the appellant, SP6 and Shawn had access to the second room of the house. Coupled with the evidence of SP5 which clearly stated that the cannabis found in the second room of the house was easy to spot, the question could then arise whether only the appellant had exclusive ownership of the cannabis found in the second room of the house. The prosecution failed to prove that the cannabis found in the second room of the house belonged to the appellant. The prosecution failed to prove that only the appellant had access to the second room of the house and this meant that the prosecution also failed to rule out the existence of access by others into the second room of the house. As a result, the prosecution also failed to prove that only the appellant had the power to dispose of the two plastic containers containing the cannabis to fulfill the element of possession.

(5) The issues relating to discovery under s. 27 of the Evidence Act did not arise. SP5's attempt to bring in evidence that the appellant had shown the drugs on the floor in the second room of the house was objected to by the appellant and the HCJ accepted the objection. The HCJ also reminded the DPP not to ask questions that may lead to the appellant's confession. The HCJ did not make any findings in relation to the discovery under s. 27 of the Evidence Act. All that was stated was, 'The accused himself had driven to his grandmother's house and was taken to the second room in the house where two plastic containers each containing slabs of plants, *ie*, cannabis were found on the floor of the room.'

(6) SP5's evidence was also dubious when viewed from his evidence in relation to the discovery and safe storage of the case materials. When asked what had occurred in the second room of the house, SP5 stated 'In that room we found drugs on the floor of the room'. SP5 used the word 'we' and did not specifically state who found the drugs on the floor of the room. It must be emphasised that there were five other police officers during the raid. The prosecution chose not to call any other available police officers as witnesses. As for the issue of safe storage of the case materials, SP5 did not provide any evidence regarding the case materials that were kept for 11 hours before handed over to SP7 until questioned by the HCJ at the end of his statement. Even more disturbing was when SP5 replied that the case materials were under his control as well as the other police officers. At no time did SP5 state that the case materials were under his custody despite being reprimanded by the HCJ. As a result, doubts arose regarding the issue of the handling of the case materials by SP5. Such doubts were detrimental to the prosecution's case and the benefits should be given to the defence. The prosecution had failed to prove a *prima facie* case against the appellant under the second charge and the appellant should not have been called to enter his defend.

(7) The HCJ had misdirected himself when he ruled that the appellant's defence was a foregone conclusion, in the form of a mere denial and also that Shawn's existence was a fabricated character. With regards to the issue of Shawn's existence, the testimony of SP6 who was also a prosecution witness was very clear. The existence of Shawn's character was mentioned to SP6 during the main examination as well as during cross-examination. The evidence was not challenged by the prosecution through cross-examination of its own witnesses under s. 145 of the Evidence Act or through acts of challenging the credibility of the witnesses under s. 150 of the Evidence Act. Although Shawn's existence was denied by SP5, the prosecution did not call any police officers who were present during the raid to support SP5's evidence. Thus, it was found that Shawn's existence was not a deliberately fabricated character.

(8) There were situations when the HCJ not only asked questions to witnesses, but also provided answers to witnesses to correct the answers given. In some cases, the HCJ had also taken over the prosecution's duties by posing questions not asked by the prosecution to its witnesses. This could be seen at the end of the SP5's testimony. HMT had raised questions in relation to the handling of the case materials which had not been raised by the prosecution. The legal principles relating to the intervention of a trial judge in a proceeding are well-established. The HCJ's action was not merely to raise questions permitted within the scope of the provisions of s. 165 of the Evidence Act. The HCJ's act of interfering in the trial proceedings was prejudicial and would cause injustice to the appellant. Therefore, the convictions meted out by the HCJ against the appellant for both charges were not safe. The HCJ's decision on both charges was set aside. The appellant was acquitted and discharged.

Kes-kes yang dirujuk:
Abdullah Yaacob lwn. PP [1991] 2 CLJ 853; [1991] 1 CLJ (Rep) 5 SC ***(dirujuk)***
Azizan Yahaya v. PP [2012] 8 CLJ 405 CA ***(dirujuk)***
Chan Wei Loon v. PP & Another Appeal [2021] 6 CLJ 623 FC ***(dirujuk)***
Khalid Mehmood v. PP & Another Appeal [2020] 1 CLJ 683 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***
Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 SC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dirujuk)***
Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v. PP [2014] 4 CLJ 406 CA ***(dirujuk)***
Teng Boon How v. PP [1993] 4 CLJ 545 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da)(vi)
Evidence Act 1950, ss. 27, 145, 150, 165

Bagi pihak perayu - Kee Wei Lon, Hisyam Teh Poh Teik, Low Wei Loke & Kenny Wong Kit Lee; T/n Kenny & Low
Bagi pihak responden - Zaki Asyraf Zubir; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45A-8-02-2016 & 45-3-03-2016 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

Pendahuluan

[1] Lim Tan Yi (perayu/orang kena tuduh) telah dituduh di Mahkamah
B Tinggi Shah Alam dengan dua pertuduhan berasingan seperti berikut:

> Pertuduhan Perbicaraan Jenayah No. 45-3-03/2016
>
> Bahawa kamu pada 14.8.2015 jam lebih kurang 5.30 pagi di kawasan letak kereta di tepi jalan SS 22/11, Damansara Jaya, di dalam Daerah Petaling,
C di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah di dapati dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu Cannabis sejumlah berat 59.24 gram dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.
>
> Pertuduhan Perbicaraan Jenayah No. 45A-8-03/2016
D
> Bahawa kamu pada 14.8.2015 jam lebih kurang 6.00 pagi di rumah beralamat No. 29, Jalan 20/5 Paramount Garden, Sea Park, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu Cannabis sejumlah berat 667.76 gram dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di
E bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Kedua-dua pertuduhan dibicarakan serentak. Bagi memudahkan sebutan, pertuduhan perbicaraan jenayah No. 45-3-03/2016 akan dirujuk sebagai tuduhan pertama dan pertuduhan perbicaraan jenayah No. 45A-8-
F 03/2016 akan dirujuk sebagai tuduhan kedua.

Fakta Kes Pendakwaan

[3] Pada 14 Ogos 2015 sekitar jam 5.30 pagi sewaktu ASP Muhammad Najib bin Hamzah (SP5) dan sepasukan polis sedang melakukan rondaan
G cegah jenayah, telah nampak sebuah kereta jenis Honda CRV warna hitam bernombor pendaftaran WXJ 8861 (kereta Honda) di Jalan SS 22/11 Damansara Jaya dalam keadaan yang mencurigakan.

[4] Setelah menghampiri kereta Honda, SP5 mengetuk cermin pintu dan mengarahkan pemandunya membuka pintu kereta. SP5 menunjukkan kad
H kuasa untuk memperkenalkan diri dan meminta pemandu kereta Honda mengeluarkan kad pengenalan. Selepas itu, SP5 mula melakukan pemeriksaan di dalam kereta Honda. Pemandu kereta Honda dicamkan sebagai perayu semasa perbicaraan.

[5] Hasil pemeriksaan di dalam kereta Honda, SP5 menjumpai tiga paket
I plastik lut sinar bersalut kerajang aluminium mengandungi ketulan mampat dedaun kering yang disyaki dadah jenis ganja di bawah tempat duduk pemandu berhampiran tempat letak kaki. Tiga paket plastik dedaun kering

tersebut senang dilihat dan kemudiannya telah diambil SP5. Setelah menjalankan tangkapan ke atas perayu, SP5 membawa perayu, tiga paket plastik dedaun kering yang dirampas dan kereta Honda ke balai polis. SP5 kemudiannya membuat penandaan ke atas barang kes dan turut menjalankan soal siasat ke atas perayu.

[6] Hasil soal siasat, lebih kurang pada pukul enam pagi perayu telah memandu arah SP5 dan sepasukan polis ke sebuah rumah beralamat No. 29 Jalan 20/5 Paramount Garden, Sea Park, Petaling Jaya, Selangor (rumah tersebut). Perayu telah membuka kunci rumah tersebut dengan menggunakan anak kunci yang ada padanya dan membawa pasukan polis ke bilik nombor dua. Di dalam bilik tersebut pihak polis menjumpai dua bekas plastik lut sinar di atas lantai berhampiran dengan kaki katil. Bekas plastik lut sinar pertama mengandungi satu ketulan mampat dedaun kering yang disyaki dadah jenis ganja. Bekas plastik lut sinar kedua pula mengandungi lapan paket plastik lut sinar berisi dedaun kering dan empat ketulan mampat dedaun kering yang dibaluti dengan kerajang aluminium yang disyaki dadah jenis ganja. SP5 merampas kesemua barang kes dan ada membuat penandaan ke atas barang kes sebelum dibawa balik ke balai polis.

[7] Hasil analisis kimia oleh ahli kimia Dr Vanitha Kunalan (SP1) ke atas dua bekas plastik lut sinar mengandungi dedaun kering yang dirampas dari dalam bilik kedua rumah tersebut mendapati ianya adalah dadah jenis cannabis seberat 667.76g yang menjadi asas kepada tuduhan kedua. Sementara itu, hasil analisis ahli kimia Mohd Azhan bin Mat Ros (SP4) ke atas tiga paket plastik lut sinar mengandungi dedaun kering yang dirampas dari dalam kereta Honda mendapati bahawa ianya adalah dadah jenis cannabis seberat 59.24g yang menjadi asas kepada tuduhan pertama.

Dapatan Di Akhir Kes Pendakwaan

[8] Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) telah mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan semua elemen kesalahan bagi tuduhan pertama dan juga tuduhan kedua. HMT menerima keterangan SP1 dan SP4 berkait dengan jenis dadah yang terlibat. Berdasarkan keterangan SP5 dan SP6, perayu mempunyai milikan ke atas dadah-dadah tersebut. Ini kerana perayu ada kawalan dan jagaan ke atas dadah berbahaya yang dijumpai di bahagian bawah tempat duduk pemandu kereta Honda yang dipandu perayu serta dadah yang dijumpai di atas lantai bilik kedua rumah tersebut. Perayu juga mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah tersebut kerana hanya perayu seorang sahaja yang berada di dalam kereta Honda semasa serbuan dan telah memandu arah pasukan polis ke rumah tersebut serta seterusnya membawa pasukan polis ke bilik kedua. Paket-paket plastik berisi dadah-dadah tersebut yang dijumpai di dalam kereta Honda dan juga di dalam bilik kedua rumah tersebut adalah senang untuk dilihat.

[9] Perbuatan perayu menyimpan dadah-dadah tersebut di bawah tempat duduk pemandu kereta Honda dan di bilik kedua rumah tersebut dalam kuantiti yang besar adalah terjumlah kepada perbuatan pengedaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952). Adalah memadai seandainya dapat dibuktikan bahawa perayu menyimpan dan menyorokkan dadah tersebut bagi membuktikan perbuatan mengedar. Jumlah dadah jenis cannabis yang terlibat adalah besar iaitu 667.76g menunjukkan perayu menyimpan dadah tersebut untuk tujuan pengedaran. Oleh itu, pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie*.

Kes Pembelaan

[10] Pada 13 Ogos 2015 lebih kurang 10.30 malam, Shawn telah datang ke rumah perayu dan mereka keluar bersama ke Damansara. Sewaktu di tempat letak kereta, mereka telah ditahan oleh polis. Polis telah menemui satu paket berwarna perak dari dalam poket seluar yang dipakai oleh Shawn dan menemui telefon bimbit serta sedikit wang daripada perayu.

[11] Perayu dan Shawn telah dibawa ke balai polis. Di balai polis mereka telah dipisahkan. Setelah dua jam, perayu dibawa ke rumah tersebut. Semasa tiba, perayu mendapati Shawn telah pun berada di rumah tersebut dan kunci rumah tersebut telah dibuka. Perayu tidak pasti sama ada polis ada menjumpai apa-apa dalam rumah tersebut. Perayu dan Shawn kemudiannya dibawa semula ke balai polis.

[12] Perayu menafikan pakaian yang dirampas daripada bilik kedua rumah tersebut miliknya dan menyatakan dia telah mengenali Shawn selama tiga tahun. Shawn tahu tentang kunci yang digantung di pintu masuk rumah tersebut. Ibu perayu, Looi Yee Leng (SD2) menyatakan pernah melihat kawan-kawan perayu datang ke rumah tersebut termasuk Shawn. Sementara itu, kawan perayu sejak kecil iaitu Yong Foo Chin (SD3) menafikan pakaian yang ditunjukkan kepadanya semasa perbicaraan di mahkamah adalah milik perayu. SD3 mengetahui kunci diletakkan di pintu gril dan pernah masuk ke rumah tersebut dengan membuka sendiri pintu dengan menggunakan kunci dan meletakkan semula kunci di pintu gril.

Dapatan Dan Keputusan Di Akhir Kes Pembelaan

[13] HMT mendapati versi pembelaan perayu melalui keterangan pembelaannya gagal menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Keterangan pembelaan sangat lemah dan sukar diterima kerana ianya adalah bersifat rekaan semata-mata, penafian kosong dan juga suatu yang difikirkan terkemudian. Keterangan yang dikemukakan perayu dan saksi-saksi pembelaan juga adalah tidak munasabah dan tidak boleh dipercayai.

[14] Perbuatan perayu jelas terjumlah kepada perbuatan mengedar kerana kuantiti dadah yang terlibat sebegitu banyak, tidak mungkin hanya untuk kegunaan sendiri. Ia memberi satu inferens bahawa ia diniatkan untuk tujuan

jualan dan pengedaran. Bagi tuduhan pertama, perayu memiliki dadah jenis cannabis seberat 59.24g. Bagi tuduhan kedua, jumlah dadah jenis cannabis seberat 667.76g yang dimiliki perayu jelas melebihi berat yang diperuntukkan di bawah s. 37(da)(vi) ADB 1952. Terdapat keterangan langsung yang menunjukkan perayu melakukan perbuatan pengedaran sebagaimana ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952 iaitu menyimpan dadah-dadah tersebut bagi tujuan untuk diedarkan. Perbuatan perayu menyimpan dadah dalam kereta Honda dan bilik kedua rumah tersebut adalah terjumlah kepada perbuatan mengedar secara langsung seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952.

[15] Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan ke atas tuduhan pertama dan tuduhan kedua. Bagi tuduhan pertama, perayu dijatuhkan hukuman penjara selama lapan tahun dari tarikh tangkap serta disebat dengan rotan sebanyak sepuluh kali sebatan dan bagi tuduhan kedua, perayu telah dijatuhkan hukuman mati.

Rayuan Di Hadapan Kami

[16] Perayu mengemukakan 12 alasan rayuan dalam petisyen rayuan. Dalam hujahan bertulis yang difailkan dan semasa berhujah secara lisan di hadapan kami, peguam perayu telah meringkaskan alasan rayuan hanya kepada empat alasan sahaja. Dihujahkan bahawa HMT telah tersalah arah apabila:

(i) mendapati adanya perbuatan pengedaran dadah oleh perayu dengan cara "menyimpan" dan "menyorok" dadah sepertimana ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952 di akhir kes pendakwaan dan kemudiannya membangkitkan anggapan pengedaran dadah di bawah s. 37(da)(vi) di akhir kes pembelaan,

(ii) gagal mengambil kira bahawa adanya kemungkinan orang lain juga ada akses kepada rumah tersebut dan bilik kedua di mana dadah tersebut dijumpai,

(iii) menerima perbuatan perayu sebagai keterangan membawa kepada penemuan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950, dan

(iv) tidak membuat pertimbangan secukupnya ke atas keterangan pembelaan dengan melabel keterangan tersebut sebagai bersifat "difikirkan terkemudian", "rekaan semata-mata" dan "penafian kosong".

[17] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) pula menentang penghujahan peguam perayu. TPR berhujah bahawa dapatan dan keputusan hakim bicara sebagai satu keputusan yang munasabah, didukung oleh keterangan yang mantap dan HMT tidak melakukan apa-apa kekhilafan yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu adalah tidak bermerit dan tidak sama sekali menjadikan sabitan ke atas perayu tidak selamat.

A **Pertimbangan Dan Dapatan Kami**

[18] Fakta yang dikemukakan daripada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan nampaknya mudah. Semasa SP5 bersama sepasukan polis menjalankan rondaan cegah jenayah, mereka telah melihat kereta Honda di Jalan SS 22/11 Damansara Jaya dalam keadaan yang mencurigakan. Setelah
B diperiksa, dijumpai tiga paket plastik lut sinar bersalut kerajang aluminium mengandungi dedaun kering yang disyaki dadah jenis ganja di bawah tempat duduk pemandu berhampiran tempat letak kaki kereta Honda yang dipandu perayu. Setelah soal siasat, perayu memandu arah SP5 dan sepasukan polis ke rumah tersebut dan hasil pemeriksaan ke atas bilik kedua rumah tersebut
C dijumpai dua bekas plastik lut sinar mengandungi dedaun kering yang disyaki dadah jenis ganja di atas lantai berhampiran dengan kaki katil. Kesemua dedaun kering yang dijumpai dan dirampas kemudiannya disahkan sebagai dadah jenis cannabis oleh ahli kimia, SP1 dan SP4.

[19] Alasan ketiga hujahan peguam perayu adalah berkaitan dengan apa
D yang dikatakan sebagai penemuan HMT di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 (AK 1950). Menurut peguam perayu, HMT khilaf apabila menerima perbuatan perayu sebagai keterangan membawa kepada penemuan di bawah s. 27 AK 1950. Penemuan yang dimaksudkan peguam perayu tersebut adalah berhubung dengan dadah jenis cannabis seberat 667.76g yang dijumpai di
E dalam bilik kedua rumah tersebut yang menjadi asas kepada tuduhan kedua.

[20] Setelah diteliti keterangan SP5, iaitu satu-satunya saksi yang dipanggil pihak pendakwaan yang terlibat dengan serbuan ke atas kereta Honda dan juga serbuan di rumah tersebut, kami didapati bahawa isu berhubung dengan penemuan di bawah s. 27 AK 1950 tidaklah berbangkit. Cubaan SP5 untuk
F membawa masuk keterangan yang menunjukkan bahawa perayu telah menunjukkan dadah yang ada di atas lantai di bilik kedua rumah tersebut telah dibantah peguam perayu dan HMT menerima bantahan tersebut. HMT turut mengingatkan TPR agar tidak menanyakan soalan yang menjurus kepada pengakuan perayu. SP5 kemudiannya menyatakan bahawa "... kami
G menjumpai dadah di atas lantai bilik tersebut" di dalam keterangannya. Lihat ms. 29 Rekod Rayuan (RR) Kandungan 6.

[21] Hasil penelitian ke atas alasan penghakiman pula, kami dapati bahawa HMT tidak membuat apa-apa dapatan berkait dengan penemuan di bawah s. 27 AK 1950. Apa yang dinyatakan hanyalah, "tertuduh sendiri yang telah
H memandu arah ke rumah neneknya dan telah dibawa ke bilik kedua di dalam rumah tersebut di mana dua bekas plastik yang masing-masing mengandungi ketulan tumbuhan iaitu cannabis dijumpai berada di atas lantai bilik.". Lihat ms. 26 RR kandungan 5.

I **[22]** Berdasarkan keterangan yang diterima masuk oleh HMT sepertimana yang dapat dilihat dalam alasan penghakiman, jelaslah bahawa tiada sebarang dapatan dibuat HMT berkait dengan penemuan di bawah peruntukan s. 27

Ak 1960. lanya bertentangan dengan apa yang telah dihujahkan peguam perayu. Oleh itu, kami dapati bahawa hujahan peguam perayu bagi alasan ketiga tersebut tidak bermerit diberikan pertimbangan.

[23] Beralih pula kepada alasan-alasan lain peguam perayu, alasan pertama dan alasan kedua bolehlah dipertimbangkan dan diputuskan bersekali. Ini kerana, alasan pertama peguam perayu iaitu berhubung dengan dapatan HMT yang mendapati adanya perbuatan pengedaran dadah oleh perayu dengan cara "menyimpan" dan "menyorok" dadah sepertimana ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952 di akhir kes pendakwaan dan kemudiannya membangkitkan anggapan pengedaran dadah di bawah s. 37(da)(vi) ADB 1952 di akhir kes pembelaan adalah melibatkan persoalan undang-undang dan alasan kedua peguam perayu iaitu berhubung dengan kegagalan HMT mengambil kira bahawa adanya kemungkinan orang lain juga ada akses kepada rumah tersebut dan bilik kedua rumah tersebut adalah melibatkan persoalan fakta yang menjurus kepada perkara yang sama. Kedua-dua alasan tersebut adalah berkait dengan pertimbangan persoalan fakta dan persoalan undang-undang oleh HMT ke atas pembuktian elemen-elemen pertuduhan oleh pihak pendakwaan.

[24] Bagi pembuktian elemen pemilikan dadah di peringkat kes pendakwaan, HMT dalam alasan penghakiman antara lainnya ada membuat dapatan sepertimana berikut:

> ... Keterangan jelas menunjukkan bahawa Tertuduh sememangnya mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah-dadah berbahaya tersebut. Menurut SP5, 3 paket lut sinar yang bersalut aluminium foil mengandungi ketulan mampat daun kering cannabis di bawah tempat duduk pemandu berhampiran dengan kaki Tertuduh adalah senang dilihat. Tertuduh juga telah memandu arah ke rumah di alamat No. 29, Jalan 20/5, Paramount Garden Petaling Jaya, di mana 2 bekas plastik yang ditemui di atas lantai bilik berkenaan juga turut senang dilihat.
>
> Selanjutnya keterangan nenek (SP6) kepada Tertuduh mengesahkan bahawa kereta yang ditemui di mana Tertuduh berada ialah kereta milik Tertuduh sendiri. Bilik yang dadah tersebut dijumpai ialah bilik Tertuduh dan Tertuduh tinggal di rumah tersebut bersama dengan neneknya. Bilik SP6 ialah di sebelah bilik Tertuduh. Justeru,Tertuduh jelas mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah-dadah yang dijumpai dan dirampas oleh pasukan polis dari dalam kereta. Juga, Tertuduh jelas mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah yang dijumpai dari rumah No. 29, Jalan 20/5, Paramount Garden tersebut.

Di perenggan selepas itu, HMT ada merujuk dan menurunkan peruntukan anggapan undang-undang di bawah perenggan 37(d) ADB 1952 yang peruntukannya adalah sepertimana berikut:

> (d) any person who is found to have had in his custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until

A the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug;

[25] Semasa membuat dapatan berhubung dengan isu pemilikan bagi tujuan pengedaran dadah pula, HMT menyatakan:

B Perbuatan Tertuduh yang menyimpan dadah-dadah tersebut di bawah tempat duduk pemandu kereta dan di bilik kedua rumah serbuan tersebut di dalam kuantiti yang besar adalah terjumlah kepada perbuatan pengedaran sebagaimana yang didefinisikan di bawah seksyen 2, Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu 'menyimpan'. Adalah memadai seandainya C dapat dibuktikan yang Tertuduh menyimpan dan menyorok dadah tersebut bagi membuktikan perbuatan mengedar. Hakim Hashim Yeop A. Sani memutuskan di dalam kes *Teh Geok Hock v. PP* [1989] 3 MLJ at p 162:

> **The definition of "trafficking" in the Act is wide and includes not only buying and selling, but also carrying, concealing and** D **keeping**

Jelaslah, tindakan Tertuduh yang dilakukannya secara fizikal iaitu dengan menyimpan dadah-dadah tersebut ditempat di bawah tempat duduk kereta bahagian Pemandu yang dipandunya serta meletakkannya di atas lantai bilik kedua rumah serbuan itu sebelum dijumpai oleh SP5 dan E pasukannya, adalah terjumlah kepada perbuatan memiliki dan mengedar.

HMT seterusnya membuat dapatan sepertimana berikut:

Memandangkan jumlah dadah cannabis yang terlibat adalah suatu jumlah yang besar iaitu 667.76 gram, maka adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal bahawa Tertuduh menyimpan dadah tersebut untuk tujuan F Pengedaran.

Prinsip yang dicapai melalui kes *Ong Ah Chuan v. PP* [1981] 1 MLJ 64 yang diterima pakai oleh Mahkamah Rayuan melalui kes *Mohamed Yazri Minhat v. PP* [2003] 2 CLJ 65, menyebut antara lainnya:

G *"As a matter of common sense, the larger the quantity of drugs involve the stronger the inference that they were not intended for personal consumption of the person carrying them, and the more convincing evidence needed to rebut it*," jelas terpakai di dalam kes ini.

Daripada fakta yang digarab bahawa berdasarkan dadah itu disimpan dengan jumlah yang besar, maka "irresistible inference" boleh dibuat H berdasarkan kepada "common sense approach" bahawa Tertuduh sememangnya berniat untuk mengedar dadah berbahaya tersebut. Lantas Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa Tertuduh telah melakukan perbuatan mengedar dadah jenis cannabis sebagaimana Pertuduhan Kedua. ...

I **[26]** Daripada alasan-alasan yang dinyatakan HMT tersebut, kami dapati bahawa wujud kecelaruan dalam pemikiran HMT semasa membuat dapatan dan keputusan di akhir kes pendakwaan. Jelasnya, HMT merujuk kepada

keterangan pembuktian secara langsung oleh SP5 dan SP6 semasa membuat dapatan mengenai elemen pemilikan dan pada masa yang sama merujuk kepada peruntukan anggapan undang-undang di bawah perenggan 37(d) ADB 1952. Begitu juga semasa membuat dapatan berhubung dengan isu pemilikan bagi tujuan pengedaran. HMT telah merujuk kepada peruntukan definisi pengedaran di bawah s. 2 ADB 1952 dan pada masa yang sama merujuk kepada prinsip yang diputuskan dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS 181; [1981] 1 MLJ 64 iaitu berkait dengan inferens yang boleh dibuat sekiranya melibatkan jumlah dadah yang besar.

[27] HMT gagal menyatakan secara spesifik peruntukan mana yang disandarkan semasa membuat keputusan untuk memanggil perayu membela diri di peringkat kes *prima facie*. Kami dapati wujud salah arahan yang jelas di pihak HMT apabila membuat keputusan berbentuk alternatif di akhir kes pendakwaan. Keputusan tersebut sudah tentu akan memberi kesan kepada pertimbangan yang perlu dibuat di peringkat pembelaan kemudiannya. Lihat keputusan mahkamah ini dalam kes *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v. PP* [2014] 4 CLJ 406 dan kes *Khalid Mehmood v. PP & Another Appeal* [2020] 1 CLJ 683. Kedua-dua keputusan tersebut merujuk kepada pandangan yang telah diutarakan Augustine Paul H (beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649 yang memutuskan:

> It must first be observed that reliance on the presumption provisions where there is available evidence of the facts to be presumed will be unfavourable to the accused. This is because where the court relies on a statutory provision relating to a presumption of law like the presumption provisions it is bound to take the fact as proved until evidence to the contrary is given, on a balance of probabilities, to disprove it (see *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116; [1969] 2 MLJ 69; *Nagappan Kuppusamy v. PP* [1988] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229; [1988] 2 MLJ 53). This results in a legal burden being imposed on an accused person though it is not illegal. Failure to discharge the burden, even where a reasonable doubt as to guilt exists, will be followed by conviction (see *State v. Mello & Anor* [1999] 1 LRC 215). However, if the court had acted on the available evidence in proof of the relevant ingredients without resorting to presumptions there is only an evidential burden on an accused person to raise a reasonable doubt. This indiscriminate use of presumptions when there is evidence of the facts to be presumed will be unfavourable to the accused as it will place a heavier burden on him which could have been avoided. Fairness to the accused therefore demands that the presumption provisions are used only when there is no evidence of the facts to be presumed.

[28] Hasil penelitian seterusnya ke atas alasan penghakiman, kami dapati kecelaruan pada pemikiran HMT tidak terhenti setakat pertimbangan di akhir kes pendakwaan. Ianya berterusan sehingga ke akhir kes pembelaan. Daripada alasan yang diberikan, HMT memutuskan bahawa versi pembelaan yang dikemukakan perayu gagal menimbulkan suatu keraguan yang

munasabah kerana pembelaan perayu hanyalah bersifat rekaan semata-mata, penafian kosong dan difikirkan terkemudian. Namun begitu, HMT tidak berhenti setakat itu. Beliau seterusnya memutuskan bahawa:

> Perbuatan Tertuduh itu jelas terjumlah kepada perbuatan mengedar kerana dengan kuantiti yang sebegitu banyak, tidak mungkin ia untuk tujuan kegunaan sendiri. Ia memberikan inferens bahawa ia diniatkan untuk tujuan jualan dan pengedaran. Ini sebagaimana diputuskan oleh Hakim Diplock di dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP* [1981] 1 MLJ 64.
>
> Fakta dan keterangan jelas membuktikan bahawa Tertuduh telah mengedar dadah jenis cannabis dengan berat 667.76 gram bagi Pertuduhan Kedua, yang jelas melebihi berat yang diperuntukkan di bawah seksyen 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 tersebut. Juga, Keterangan jelas menunjukkan yang Tertuduh memiliki dadah ganja seberat 59.24 gram.
>
> Terdapat keterangan langsung di dalam kes ini yang menunjukkan Tertuduh melakukan perbuatan pengedaran sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta dadah Berbahaya 1952 iaitu menyimpan dadah-dadah tersebut bagi tujuan untuk diedarkan. Perbuatan serta tindakan Tertuduh yang menyimpan dadah tersebut di bawah tempat duduk bahagian pemandu kereta dan bilik kedua rumah serbuan adalah terjumlah kepada perbuatan pengedaran secara langsung sepertimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta.

[29] Daripada petikan-petikan alasan penghakiman tersebut, jelaslah bahawa HMT keliru semasa membuat keputusan di kedua-dua peringkat kes. HMT membuat keputusan dalam bentuk alternatif semasa memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen pemilikan dengan merujuk kepada keterangan langsung saksi-saksi dan pada masa yang sama merujuk kepada peruntukan anggapan undang-undang di perenggan 37(d) ADB 1952. Di akhir kes pembelaan pula, HMT sekali lagi membuat keputusan dalam bentuk alternatif apabila memutuskan bahawa perayu gagal menimbulkan suatu keraguan ke atas kes pihak pendakwaan dan pada masa yang sama beliau mengguna pakai peruntukan anggapan mengedar dadah berbahaya di perenggan kecil 37(da)(vi) ADB 1952. Kami mendapati bahawa HMT telah melakukan salah arahan yang serius semasa membuat keputusan.

[30] Salah arahan yang dilakukan HMT tersebut sudah tentulah menyebabkan prejudis dan ketidakadilan kepada perayu. HMT telah meletakkan perayu dalam keadaan yang tidak menentu iaitu sama ada perlu mengemukakan pembelaan pada tahap keraguan yang munasabah sahaja ataupun perlu mematahkan anggapan undang-undang di atas imbangan kebarangkalian. Salah arahan yang dilakukan HMT sangat memudaratkan kerana ianya melibatkan asas keputusan di peringkat kes *prima facie* dan juga asas keputusan di akhir kes pembelaan.

[31] Selain itu, ada satu lagi kecelaruan di pihak HMT yang dapat dikesan daripada alasan penghakiman. HMT membuat dapatan bahawa perbuatan serta tindakan perayu menyimpan dadah di bawah tempat duduk bahagian

pemandu kereta Honda dan di bilik kedua rumah tersebut adalah terjumlah kepada perbuatan pengedaran secara langsung seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952. Daripada dapatan tersebut, nyatalah bahawa HMT telah mencampuradukkan kesalahan memiliki dadah cannabis di bawah tuduhan pertama dan kesalahan mengedar dadah cannabis di bawah tuduhan kedua semasa membuat pertimbangan. Kecelaruan tersebut sudah tentulah boleh menyebabkan salah arahan semasa membuat keputusan yang mana akan menyebabkan prejudis kepada perayu.

[32] Beralih pula kepada isu berhubung dengan pembuktian elemen pemilikan dadah cannabis yang dijumpai di bilik kedua rumah tersebut oleh pihak pendakwaan terhadap perayu. Peguam perayu berhujah bahawa HMT telah melakukan salah arahan apabila gagal membuat pertimbangan ke atas kemungkinan ada orang lain yang boleh akses ke dalam rumah tersebut dan juga ke dalam bilik kedua rumah tersebut.

[33] Elemen pemilikan adalah salah satu elemen penting pembuktian tuduhan kesalahan mengedar dadah berbahaya. Bagi makna pemilikan, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Chan Wei Loon v. PP & Another Appeal* [2021] 6 CLJ 623 ada membuat pemerhatian sepertimana berikut:

> [74] On "possession", this court in *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209 at pp. 217 to 218 had stated the following:
>
> > [17] The idea of exclusively features in the meaning of "possession" in criminal law as one of the elements necessary to constitute possession. As Taylor J said in *Liow Ngee Lim v. Reg* [1955] 1 LNS 53:
> >
> > > ... it is often said that "possession must be exclusive". This is ambiguous. Possession need not be exclusive to the accused. Two or more persons may be in joint possession of chattels, whether innocent or contraband. The exclusive element of possession means that the possessor or possessors have the power to exclude other persons from enjoyment of the property.
> >
> > Custody likewise may be sole or joint and it has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. The statement that "possession must be exclusive" is often due to confusion of the fact to be proved with the evidence by which it is to be proved. It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.
>
> [18] Thomson J, in *Chan Pean Leon v. Public Prosecutor* [1956] 1 LNS 17, said that "possession" for the purposes of criminal law involves possession itself – which some authorities term "custody" or "control" – and knowledge of the nature of the thing possessed.

A As to possession itself he cited the following definition in *Stephen's Digest* 9th edn, p. 304, in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears:

> A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power
B to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.
>
> [19] Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, then
C what is established is possession, not exclusive possession. So much for exclusive possession.

[34] Ringkasnya, bagi membuktikan suatu pemilikan, perlulah dibuktikan bahawa barang yang dimiliki berada di bawah jagaan atau kawalan pemilik. Pada masa yang sama, perlu juga dibuktikan bahawa pemilik tahu apa yang
D dimilikinya. Suatu pemilikan oleh pemilik perlulah mempunyai elemen pemilikan eksklusif iaitu pemilik mempunyai kuasa untuk menyingkirkan kepentingan orang lain dan pada masa yang sama pemilik juga perlulah mempunyai kuasa untuk melupus barang yang dimilikinya.

[35] Berbalik kepada pembuktian elemen pemilikan di bawah tuduhan
E kedua yang dihadapi perayu, pihak pendakwaan telah memanggil dua orang saksi iaitu SP5 dan SP6. Menurut SP5, perayu telah memandu arah pasukan polis dan telah membuka pintu rumah tersebut dengan menggunakan kunci yang ada padanya. Dadah cannabis yang diletakkan dalam dua bekas plastik lut sinar kemudiannya dijumpai di atas lantai berhampiran dengan kaki katil
F dalam bilik kedua rumah tersebut. Semasa dijumpai dadah cannabis tersebut senang dilihat. Dengan lain perkataan, ianya tidak disorok atau disembunyikan daripada pandangan mata orang yang melihatnya. Tidak ada sebarang keterangan yang dikemukakan SP5 berkait dengan keadaan pintu bilik kedua rumah tersebut semasa diperiksa.

G **[36]** Menurut SP6 pula, rumah tersebut ada empat set anak kunci. Satu dipegangnya, satu dengan perayu, satu dengan seorang lagi cucunya iaitu sepupu perayu dan yang terakhir digantung di atas pintu rumah tersebut. SP6 turut menyatakan bahawa selain dia, orang yang selalu masuk ke dalam rumah tersebut tahu kunci ada digantung di atas pintu, termasuklah kawan-
H kawannya dan kawan-kawan perayu.

[37] Semasa disoal balas, SP6 mengakui bahawa ramai kawan perayu datang ke rumah tersebut dan semuanya pernah masuk ke bilik kedua. Mereka tahu kunci rumah ada di atas pintu depan rumah tersebut. Berhubung dengan pintu bilik kedua rumah tersebut, SP6 menyatakan bilik cucunya itu
I kebiasaannya tidak berkunci dan sesiapa pun boleh masuk.

[38] Daripada keterangan pihak pendakwaan, tidak dipertikaikan bahawa dadah cannabis yang ada dalam bilik kedua rumah tersebut bukanlah berada dalam milikan fizikal perayu semasa dijumpai. Oleh kerana bilik kedua rumah tersebut dihuni oleh perayu, maka HMT memutuskan bahawa perayu ada kawalan, jagaan dan pengetahuan ke atas cannabis yang dijumpai di atas lantai bilik kedua rumah tersebut. Bagaimana dapatan tersebut dicapai tidak pula diperjelaskan oleh HMT. Daripada alasan penghakiman, penekanan yang dibuat oleh HMT hanyalah ke atas fakta yang menunjukkan bahawa perayu telah memandu arah pasukan polis ke rumah tersebut dan hasilnya dadah cannabis berkenaan ditemui.

[39] Kami telah meneliti dan menilai keterangan yang ada dalam rekod rayuan. Hasil penelitian dan penilaian, dengan hormatnya kami mempunyai pandangan yang berbeza berhubung dengan pembuktian elemen pemilikan dadah cannabis yang dijumpai di atas lantai bilik kedua rumah tersebut. Walaupun HMT mempunyai kelebihan mendengar dan melihat keterangan saksi-saksi, kami mendapati bahawa kelebihan tersebut nampaknya tidak tergambar dalam keputusan yang dicapai.

[40] Berikut adalah alasan kenapa kami mempunyai pandangan yang berbeza. SP5 secara jelas menyatakan bahawa pihak polis menjumpai dua bekas plastik lut sinar yang senang dilihat di atas lantai berhampiran dengan kaki katil dalam bilik kedua rumah tersebut. Keterangan SP6 pula menunjukkan bahawa pintu bilik kedua rumah tersebut tidak dikunci dan orang lain ada akses kepadanya. Malahan, SP6 semasa ditanya dalam pemeriksaan utama mengakui bahawa dia ada masuk ke dalam bilik kedua rumah tersebut setiap hari. Semasa disoal balas pula, SP6 turut menyatakan bahawa semua kawan-kawan perayu yang datang ke rumah tersebut pernah masuk ke dalam bilik kedua. SP6 juga menyatakan bahawa kawan perayu bernama Shawn ada datang dan masuk ke bilik kedua rumah tersebut sebelum Shawn dan perayu keluar bersama pada malam sebelum perayu ditangkap.

[41] Daripada keterangan SP6, jelaslah bahawa pintu bilik kedua rumah tersebut tidak dikunci dan boleh diakses oleh ramai orang. Pada hari kejadian ataupun sehari sebelum kejadian, sekurang-kurangnya tiga orang iaitu perayu, SP6 dan Shawn yang ada akses ke dalam bilik kedua rumah tersebut. Ditambah pula dengan keterangan SP5 yang jelas menyatakan bahawa dadah cannabis yang dijumpai dalam bilik kedua rumah tersebut senang dilihat, maka sudah tentulah boleh timbul persoalan iaitu sama ada hanya perayu sahaja yang ada pemilikan eksklusif ke atas dadah cannabis yang dijumpai dalam bilik kedua rumah tersebut.

[42] Setelah diteliti keterangan, kami mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa dadah cannabis yang dijumpai dalam bilik kedua rumah tersebut adalah milik perayu. Pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa hanya perayu sahaja yang mempunyai akses ke bilik kedua rumah

tersebut dan ini bermakna, pihak pendakwaan juga gagal menyingkirkan adanya akses oleh orang lain ke dalam bilik kedua rumah tersebut. Kesannya, pihak pendakwaan juga gagal membuktikan bahawa hanya perayu sahaja yang mempunyai kuasa untuk melupus dua bekas plastik mengandungi dadah cannabis tersebut bagi melengkapkan elemen pemilikan. Lihat kepada keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Pang Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 39 dan keputusan mahkamah ini dalam kes *Azizan Yahaya v. PP* [2012] 8 CLJ 405.

[43] Selain itu, keterangan SP5 juga meragukan jika dilihat kepada keterangannya berhubung dengan penemuan dan simpanan selamat barang kes. Semasa ditanya apa berlaku di bilik kedua rumah tersebut, SP5 menyatakan "Dalam bilik tersebut kami menjumpai dadah di atas lantai bilik tersebut". Lihat ms. 29 RR J2(1). SP5 menggunakan perkataan "kami" dan tidak pula dinyatakan secara khusus siapa yang menjumpai dadah di atas lantai bilik tersebut. Perlu ditekankan bahawa ada lima anggota lain semasa serbuan dibuat. Pihak pendakwaan memilih untuk tidak memanggil mana-mana anggota polis lain yang ada sebagai saksi.

[44] Bagi isu simpanan selamat barang kes pula, SP5 tidak memberikan apa-apa keterangan berhubung dengan barang kes yang dipegang dalam tempoh 11 jam sebelum diserah kepada SP7 sehinggalah ditanya oleh HMT pada hujung keterangannya. Keterangan SP5 adalah sepertimana berikut:

YA: Dalam tempoh 11 jam sebelum menyerahkan kepada pihak I.O. Barang kes kat mana duduknya, siapa yang simpan?

J: Di balai.

YA: Disimpan di dalam bilik kamu?

J: Disimpan di pejabat CPJ tu.

YA: Bawah kawalan siapa?

J: Di bawah kawalan saya dan anggota.

YA: Ia perlu di dalam kawalan kamu seorang faham?

J: Ya.

Menurut jawapan SP5, barang kes disimpan di pejabat CPJ. Tidak dijelaskan apa makna CPJ dan milik siapa pejabat CPJ tersebut. Lebih menjejaskan lagi apabila SP5 menjawab bahawa barang kes berada di bawah kawalannya dan juga anggotanya. Tidak pada bila-bila masa SP5 menyatakan barang kes berada di bawah jagaannya walaupun diberi teguran oleh HMT. Natijahnya, timbul keraguan berhubung dengan isu pengendalian barang kes oleh SP5. Keraguan tersebut memudaratkan kes pendakwaan dan manfaatnya perlulah diberikan kepada pihak pembelaan. Lihat keputusan kes Mahkamah Agung dalam kes *Abdullah Yaacob lwn. PP* [1991] 2 CLJ 853; [1991] 1 CLJ (Rep) 5; [1991] 2 MLJ 237.

[45] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, kami mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu di bawah tuduhan kedua dan perayu sepatutnya tidak dipanggil untuk membela diri.

[46] Beralih pula kepada tuduhan pertama, perayu dituduh memiliki dadah cannabis yang dijumpai dalam kereta Honda. Menurut SP5, perayu seorang diri berada di dalam kereta Honda semasa diperiksa dan semasa tiga paket plastik dadah cannabis dijumpai di bawah tempat duduk pemandu berhampiran tempat letak kaki. Sama seperti pembuktian bagi tuduhan kedua, pihak pendakwaan memilih untuk tidak memanggil mana-mana anggota polis lain yang turut hadir semasa pemeriksaan ke atas kereta Honda.

[47] Berhubung dengan elemen pemilikan, SP6 menyatakan bahawa kereta Honda adalah milik perayu. Semakan SP7 dengan pihak JPJ turut mengesahkan bahawa kereta Honda didaftarkan di atas nama perayu. Dengan itu, dadah cannabis yang dijumpai di dalam kereta Honda yang mana pada masa diperiksa dikatakan hanya ada perayu seorang sahaja di dalamnya berdasarkan keterangan SP5, bolehlah dikatakan berada dalam milikan eksklusif perayu. Pihak pendakwaan berjaya membuktikan bahawa hanya perayu yang ada akses ke atas kereta Honda pada ketika itu dan fakta tersebut dapat menyingkirkan penglibatan orang lain. Oleh itu, kami dapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan tuduhan pertama di peringkat *prima facie* dan perayu perlulah menjawab pertuduhan yang dikenakan. Lihat keputusan Mahkamah Agung dalam kes *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 dan kes Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337; [2007] 5 MLJ 1.

[48] Di peringkat pembelaan, perayu memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi dan turut memanggil dua orang saksi. Secara ringkasnya, perayu menyatakan bahawa pada malam sebelum ditangkap, lebih kurang pukul 10.30 malam Shawn datang ke rumah tersebut dan mereka keluar bersama selepas itu menuju ke Damansara. Semasa ditahan dan kereta Honda diperiksa Shawn ada bersama. Pihak polis telah menemui satu paket warna perak dari dalam poket seluar Shawn. Pihak polis membawa perayu dan Shawn ke balai polis dan mereka telah dipisahkan selepas itu. Setelah dua jam, perayu dibawa ke rumah tersebut dan semasa tiba, Shawn telah pun berada di situ. Perayu juga tidak pasti sama ada pihak polis ada menjumpai apa-apa di rumah tersebut semasa diperiksa.

[49] Semasa membuat penilaian ke atas pembelaan, HMT mendapati bahawa keterangan pihak pembelaan berhubung pemilikan dadah cannabis merupakan suatu yang difikirkan kemudian (afterthought) kerana apa yang dibangkitkan dalam pembelaan tidak pernah ditimbulkan semasa saksi pendakwaan mengemukakan keterangan. HMT juga mendapati keterangan perayu berkait dengan kunci rumah adalah berbentuk penafian semata-mata

dan kegagalan pihak pembelaan mengemukakan Shawn sebagai saksi membolehkan mahkamah membuat andaian bahawa Shawn adalah satu watak yang "fictitious".

[50] Berbalik kepada penghujahan peguam perayu, alasan keempat hujahan peguam perayu dihalakan tumpuan kepada pertimbangan yang dibuat HMT yang mendapati bahawa keterangan pembelaan hanyalah bersifat "difikirkan kemudian", "rekaan semata-mata" dan "penafian kosong" sahaja. Menurut peguam perayu, dapatan dan keputusan yang dicapai HMT tidak selaras dengan keseluruhan keterangan yang ada dan HMT telah melakukan salah arahan yang serius.

[51] Dalam penghujahan, peguam perayu turut menyenaraikan soalan-soalan pemeriksaan balas yang dikemukakannya kepada saksi-saksi pihak pendakwaan yang menunjukkan bahawa pihak pembelaan telah pun membina asas kepada pembelaan perayu semasa di peringkat kes pendakwaan lagi. Antara lainnya, soalan telah ditanya berhubung dengan kewujudan Shawn dan fakta berhubung kunci rumah tersebut kepada SP5, SP6 dan SP7. Begitu juga dengan soalan berkait dengan penglibatan SP5 dalam serbuan, ianya telah pun diajukan kepada SP5 dan SP7.

[52] Setelah diteliti, kami perlu bersetuju dengan hujahan peguam perayu. Nampaknya HMT telah melakukan salah arahan apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu adalah suatu yang difikir terlebih dahulu, berbentuk penafian semata-mata dan juga kewujudan Shawn adalah suatu watak yang diada-adakan. Daripada soalan-soalan yang dikemukakan peguam perayu kepada saksi-saksi pihak pendakwaan sepertimana yang disenaraikan peguam perayu, nyatalah bahawa asas pembelaan perayu telah pun dibina semasa di peringkat kes pendakwaan lagi.

[53] Di peringkat pembelaan, perayu hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja terhadap kes pendakwaan bagi membebaskan dirinya daripada tuduhan dan beban pembuktian sentiasa bagi membuktikan pertuduhan sentiasa terletak di bahu pihak pendakwaan di sepanjang perbicaraan. Mahkamah Agung dalam kes *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 telah menggariskan prinsip sepertimana berikut:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the

> defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s. 173(f) or s. 180 of the Criminal Procedure Code, the Court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v. PP* [1936] 1 LNS 32). If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

Sementara itu dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263, Hakim Suffian (beliau ketika itu) telah menggariskan panduan sepertimana berikut:

> The correct law for Magistrates to apply is as follows. If you accept the explanation given by or on behalf of the accused, you must of course acquit. But this does not entitle you to convict if you do not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence you are left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

[54] Berbalik kepada pembelaan yang dikemukakan, perayu memilih untuk memberikan keterangan di atas sumpah dari kandang saksi. Menurut perayu, pada malam sebelum ditangkap Shawn iaitu kawan perayu yang biasa bertandang telah datang ke rumah tersebut kira-kira pukul 10.30 malam. Shawn mengajak perayu keluar untuk berjumpa dengan kawannya yang tidak dikenali perayu. Mereka kemudiannya keluar ke Cybercafe di Damansara. Setiba di situ, ada polis datang mengetuk pintu kereta Honda mengarahkan mereka keluar dan pihak polis menjalankan pemeriksaan. Polis jumpa sesuatu dari poket seluar Shawn. Mereka ditahan dan dibawa ke balai polis. Di balai polis mereka dipisahkan dan setelah dua jam ditahan, perayu dibawa ke rumah tersebut dan semasa sampai, perayu dapati Shawn telah pun berada di rumah tersebut.

[55] Menyingkap kembali kes di peringkat pendakwaan, peguam perayu ketika menyoal balas SP5 telah mencadangkan bahawa SP5 tidak ada semasa pihak polis menahan serta memeriksa perayu dan Shawn. Cadangan tersebut telah dinafikan SP5. Dalam hal ini, keterangan dari SP5 ada menyatakan bahawa serbuan dan pemeriksaan ke atas kereta Honda bermula kira-kira pada pukul 5.30 pagi 14 Ogos 2015. Laporan polis eks. P25 yang dibuat oleh SP5 iaitu kira-kira 11 jam selepas serbuan juga menyatakan bahawa pemeriksaan ke atas perayu dan kereta Honda dibuat lebih kurang pada pukul 5.30 pagi.

[56] Perlu juga diberikan perhatian bahawa ada keterangan lain daripada saksi pihak pendakwaan berhubung dengan isu masa serbuan dibuat. Dalam pemeriksaan utama, SP6 menyatakan bahawa dia tahu perayu dan Shawn

telah ditangkap polis apabila perayu menelefonnya. Semasa disoal balas, SP6 menyatakan perayu ada membuat panggilan ke telefon rumah tersebut bagi memaklumkan bahawa yang dia dan Shawn telah ditangkap polis dan panggilan tersebut adalah antara 2.50 pagi hingga 2.55 pagi. Lihat ms. 51 RR Kandungan 6. SP7 semasa disoal balas juga bersetuju bahawa perayu ditangkap pada pukul 2.55 pagi. Lihat ms. 13 dan 14 RR Kandungan 7. Keterangan SP6 dan SP7 yang merujuk kepada masa perayu ditangkap tidak dipersoalkan semasa pemeriksaan semula oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, keterangan SP6 dan SP7 tersebut perlulah diterima sebagai betul.

[57] Selain daripada itu, fakta-fakta lain yang berbangkit daripada keterangan saksi pihak pendakwaan perlulah juga dilihat. Menurut SP5, serbuan dijalankan lebih kurang pada pukul 5.30 pagi dan perayu telah dibawa ke balai polis setelah ditangkap. Di balai polis, SP5 membuat penandaan ke atas barang kes dan menjalankan soal siasat ke atas perayu. Menurut laporan polis SP5 iaitu eks. P30, SP5 menyatakan bahawa dia dan pasukan polis telah pergi ke rumah tersebut lebih kurang pada pukul enam pagi. Sebaliknya, perayu dalam keterangan pembelaan menyatakan bahawa dia telah ditahan selama dua jam di balai polis sebelum dibawa ke rumah tersebut.

[58] Setelah diteliti, kami berpandangan bahawa keterangan perayu lebih munasabah berbanding keterangan SP5. Sekiranya diterima keterangan SP5, nampaknya SP5 mengambil masa hanya ½ jam sahaja jika dikira daripada masa serbuan ke atas kereta Honda hingga serbuan ke atas rumah tersebut. Keterangan tersebut jelas tidak munasabah dan meragukan jika mengambil kira masa untuk perjalanan balik ke balai polis, masa untuk SP5 membuat penandaan barang kes, masa untuk SP5 menjalankan soal siasat ke atas perayu dan masa yang diambil untuk perjalanan ke rumah tersebut.

[59] Akhirnya, keterangan juga menunjukkan bahawa SP5 mengambil masa yang lama untuk membuat laporan polis iaitu laporan maklumat pertama bagi kedua-dua serbuan yang dibuat. SP5 mengambil masa hampir 11 jam untuk membuat laporan polis P25 berkait dengan serbuan melibatkan kereta Honda. Sementara itu, SP5 mengambil masa lebih daripada 11 jam untuk membuat laporan polis P30 berhubung dengan serbuan di rumah tersebut. Tiada alasan kukuh yang diberikan SP5 bagi kelewatan membuat laporan P25 dan P30 semasa disoal balas peguam perayu. Tambahan pula, keraguan timbul apabila SP5 mengakui bahawa laporan polis P25 dan P30 disediakan anggotanya semasa disoal balas peguam perayu sebelum ditegur dan diperbetulkan oleh HMT. Lihat ms. 67 dan 68 RR Kandungan 6.

[60] Daripada penelitian ke atas keseluruhan keterangan, kami dapati bahawa hujahan peguam perayu ada asasnya. Terdapat keraguan yang ditimbulkan daripada keterangan SP5 berhubung dengan serbuan ke atas kereta Honda dan juga serbuan ke atas rumah tersebut. Keraguan tersebut membangkitkan persoalan sama ada SP5 benar-benar ada semasa serbuan

dibuat. Pihak pendakwaan memilih untuk tidak memanggil mana-mana anggota polis lain yang turut hadir semasa serbuan sebagai saksi. Oleh itu, keraguan yang timbul kekal sebagai keraguan yang memihak kepada pihak pembelaan.

[61] Berhubung dengan isu kewujudan Shawn, keterangan SP6 yang juga merupakan saksi pihak pendakwaan sangatlah jelas. Kewujudan watak Shawn telah disebut SP6 semasa pemeriksaan utama dan juga semasa disoal balas. Keterangan tersebut tidak dipersoalkan pihak pendakwaan melalui tindakan menyoal balas saksinya sendiri di bawah s. 145 AK 1950 ataupun melalui tindakan mencabar kebolehpercayaan saksi di bawah s. 150 AK 1950. Walaupun kewujudan Shawn dinafikan SP5, pihak pendakwaan tidak memanggil mana-mana anggota polis yang turut hadir semasa serbuan untuk menyokong keterangan SP5. Dengan itu, kami dapati kewujudan Shawn bukanlah suatu watak yang sengaja diada-adakan.

[62] Selain itu, TPR ada membangkitkan isu campur tangan HMT dalam prosiding perbicaraan dalam hujahan bertulisnya. Walaupun isu tersebut tidak disentuh peguam perayu dalam hujahannya, kami dapati ianya wajar diberikan perhatian dan pertimbangan. Menurut TPR, HMT tidak sama sekali melangkaui peruntukan s. 165 AK 1950 apabila turut sama mengemukakan soalan kepada saksi-saksi. Dihujahkan bahawa tidak pada bila-bila masa HMT mengambil alih tugas pihak pendakwaan semasa menyoal saksi-saksi.

[63] Hasil penelitian ke atas nota keterangan, kami berpandangan bahawa terdapat keadaan bilamana HMT bukan sahaja mengemukakan soalan kepada saksi, malah turut menyediakan jawapan kepada saksi bagi membetulkan jawapan yang diberikan. Contohnya:

(i) YA: SOP kata apa?

J: Keluar tulis station diary

YA: Tidak kira awak anggota ke, pegawai ke kena tuliskan. Itu memang SOP?

J: Ya

YA: Jadi rujuk kepada soalan peguam ini.

J: Situasi macam gini Yang Arif.

YA: *Tapi kamu kena jawab juga. Kejadian ini 3 tahun dahulu. Kejadian ini 3 tahun dahulu, tahun 2005 dan sekarang tahun 2018. Mudah ke nak check balik benda ni. Beritahu cam dengan dia gitu, soalan dia*.

J: Susah nak check sebab sudah lama. Sebab saya dah pindah 3 kali.

(lihat muka surat 61 dan 62 RR Kandungan 6)

(ii) S: Saya katakan kedua-dua laporan ini dibuat oleh anggota polis anda, betul?

J: Setuju

YA: Saya masih terfikir-fikir lagi, soalan peguam tadi kamu memberi jawapan P25 dan P30 iaitu dua laporan polis kamu mengesahkan dan mengakui cadangan peguam, bukan kamu yang buat tapi anggota yang buat, ya, betul?

J: Ya, betul

YA: *Itu sebabnya, kamu kena fahamkan soalan sebelum menjawabnya. Sebab laporan polis ini, laporan polis ini nama kamu, macam mana kamu jawab laporan polis ini bukan kamu buat tapi anggota yang buat? Apa benda kesannya ini? Laporan polis sepatutnya orang tu yang buatnya. Macamana boleh kamu kata bukan kamu yang buat tapi anggota yang buat. Apa munasabahnya. DPP ini something you kena tengok benda ni.*

DPP: Ya, saya nak tanya ketika re nanti Yang Arif.

(lihat muka surat 67 dan 68 Kandungan 6)

(iii) S: Jadi mana yang betul, keterangan dalam Mahkamah atau keterangan dalam laporan polis?

J: Dalam laporan polis.

S: Jadi keterangan dalam Mahkamah tidak betul?

J: Saya tidak ingat.

YA: *Saya percaya dua-dua betulkan. Cumanya dalam laporan polis kebiasaannya tidak semua detail tidak dimasukkan sekali*?

J: Betul

YA: *Jawab begitulah, tak kan saya nak jawab bagi pihak awak.*

(lihat muka surat 71 Kandungan 6)

(iv) S: Sekiranya begitu, kamu setuju boleh bantu siasatan tetapi kenapa dalam kes ini tidak ada perkara itu dibuat?

J: Ini sebab pihak kita mengalami masalah man power untuk melakukan siasatan lebih terperinci.

YA: *That's not the answer. Jangan beri jawapan begitu. Kalau perlu – perlu. Tidak boleh jadikan man power tidak ada sebagai satu jawapan/alasan. That's not the good answer, itu nak escape sahaja*.

S: Selain daripada kekangan kekuatan boleh Inspektor nyatakan kenapa Inspektor tidak mengambil cap jari, tidak ambil apa-apa DNA pada kereta tersebut?

YA: *Actually kamu telah jalankan siasatan, kamu dah ambil barang kes tu, Cuma tidak hantar sahaja ke Kimia, itu sahaja. Itu leaking nya. Kamu sudah ambil baju daripada rumah tempat kejadiankan, your*

> *only duty hantar ke Kimia DNA, apa man power nak pakainya*. Any of your constable you can send hantar barang tu kepada Kimia, not necessary yourself. Teruskan. Situation will be different kalau tidak ada apa-apa rampasan dibuat. Ini rampasan ada dibuat cuma kamu tidak hantarnya.
>
> (lihat muka surat 29 Kandungan 6) (penekanan ditambah)

[64] Adakalanya, HMT juga telah mengambil alih tugas pihak pendakwaan dengan mengemukakan soalan yang tidak ditanya pihak pendakwaan kepada saksi. Ini dapat dilihat di akhir keterangan SP5. HMT telah mengemukakan soalan berhubung dengan pengendalian barang kes yang mana tidak disoal pihak pendakwaan. Bagi mengelak pengulangan, petikan soalan tersebut telah diperturunkan dan dapat dilihat di perenggan [44].

[65] Prinsip undang-undang berhubung dengan campur tangan hakim bicara dalam suatu prosiding adalah mantap. Mahkamah Agung dalam kes *Teng Boon How v. PP* [1993] 4 CLJ 545; [1993] 3 MLJ 553 telah buat pemerhatian dan seterusnya buat keputusan sepertimana berikut:

> Judicial loquacity has provided grounds for appeal and we need no more than refer to some of the well-known cases in this area.
>
> Excessive interventions by the trial judge add 'great weight to the substance of the appeal' (*Brassington v. Brassington* at p 281) and taken together with other grounds of appeal may result in the reversal of judgment in a civil case (*Yuill v. Yuill*; *Jones v. National Coal Board*) or setting aside of a conviction in a criminal case. (See *R v. Gilson and Cohen*; *R v. Clewer*. In certain circumstances, the criticism of the conduct of the trial judge is of such magnitude as to constitute, by itself, a sufficient ground for reversal of the judgment (see *Hobbs v. Tinling*; *Jones v. National Coal Board*) or quashing of the conviction. (See *R v. Green*, *R v. Mc Kenna*) In other cases, even though the interventions of the judge may not result in the quashing of the conviction, the appellate court may reduce the sentence, thus giving effect to its disapproval (see, eg *R v. Hircock*)
>
> It was Lord Greene MR who explained that justice is best done by a judge who holds the balance between the contending parties without himself taking part in their disputations. If a judge, said Lord Greene, in *Yuill v. Yuill*, should personally conduct the examination of witnesses, 'he, so to speak, descends into the arena and is liable to have his vision clouded by the dust of the conflict'.
>
> And, it was Lord Denning MR who, in *Jones v. National Coal Board*, emphasized the importance of the judge not descending into the arena and thereby depriving himself of the ability to take a detached view when forming his conclusion. This is how he put it [at p 64]:
>
> > Yes, he [the judge] must keep his vision unclouded. It is all very well to paint justice blind, but she does better without a bandage round her eyes. She should be blind indeed to favour or prejudice, but clear to see which way lies the truth: and the less dust there

> is about the better. Let the advocates one after the other put the weights into the scales – the 'nicely calculated less or more' – but the judge at the end decides which way the balance tilts, be it ever so slightly ... So also it is for the advocates, each in his turn, to examine the witnesses, not for the judge to take it on himself lest by so doing he appear to favour one side or the other. And it is for the advocate to state his case as fairly and strongly as he can, without undue interruption, lest the sequence of his argument be lost. The judges' part in all this is to hearken to the evidence, only himself asking questions of witnesses when it is necessary to clear up any point that has been overlooked or left obscure; to see that the advocates behave themselves seemly and keep to the rules laid down by law; to exclude irrelevancies and discourage repetition; to make sure by wise intervention that he follows the points that the advocates are making and can assess their worth; and at the end to make up his mind where the truth lies. If he goes beyond this, he drops the mantle of a judge and assumes the robe of an advocate; and the change does not become him well. Lord Chancellor Bacon spoke right when he said that: Patience and gravity of hearing is an essential part of justice; and an over-speaking judge is no well-tuned cymbal.
>
> In *R v. Matthews & Matthews*, the Court of Appeal in England said (at p 30 para 6) that the general comment in *Jones v. National Coal Board*, emphasising the importance of a judge not descending into the arena and thereby depriving himself of the ability to take a detached view when forming his conclusion, is equally applicable to a criminal trial.
>
> We agree that, notwithstanding the wide ambit of s. 165 of the Evidence Act 1950, ... the desirable limits of judicial intervention in the examination and cross-examination of witnesses enunciated in *Yuill v. Yuill* and *Jones v. National Coal Board* would apply in this country.

[66] Berdasarkan contoh petikan-petikan yang dinyatakan di perenggan [63] dan juga petikan di perenggan [44] jelaslah bahawa tindakan HMT bukanlah sekadar mengemukakan soalan sepertimana yang dibenarkan dalam ruang lingkup peruntukan s. 165 AK 1950. Tindakan HMT campur tangan dalam prosiding perbicaraan. Campur tangan tersebut sudah tentunya mendatangkan prejudis yang boleh menyebabkan ketidakadilan kepada perayu.

Keputusan

[67] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, kami sebulat suara mendapati bahawa sabitan yang diputuskan HMT ke atas perayu bagi kedua-dua pertuduhan tidak selamat untuk disahkan. Kami membenarkan rayuan perayu. Keputusan HMT di atas kedua-dua pertuduhan diketepikan. Perayu dibebas dan dilepaskan daripada tuduhan pertama dan tuduhan kedua.